

Artikel Penyelidikan

Bangunan warisan: Sejarah dan proses penjagaan Istana Bandar, Jugra, Kuala Langat.

Nur Ain Najihah Mohd Zulkifli¹, Nur Hasmaniera Che Hashim², Infazah Damia Jefni³, Jafalizan Md Jali^{4*}, dan Saiful Farik Mat Yatin⁵

¹ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 202188368@student.uitm.edu.my

² Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2021461392@student.uitm.edu.my

³ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; 2021865294@student.uitm.edu.my

⁴ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; jafalizan@uitm.edu.my;  0009-0009-7236-9863

⁵ Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; farik@uitm.edu.my;  0000-0001-5446-7755

* Correspondence: jafalizan@uitm.edu.my; +0192055563.

Abstrak: Artikel ini berkaitan kajian sejarah berkaitan Istana Bandar Jugra, Mukim Bandar, Daerah Kuala Langat, Selangor, Malaysia. Ianya menfokuskan kepada pemeliharaan bangunan, strategi penjagaan dan cabaran semasa pemulihian bangunan ini. Pendekatan kualitatif (temubual secara peribadi) digunakan bersama tokoh yang dipilih. Temubual dilakukan oleh tiga orang pelajar dari UiTM Puncak Perdana bersama Puan Nor Hazita Binti Mohd Sumali (Penolong Kurator) dan Tuan Ahmad Anuar Bin Ishak (Penolong Ketua Kampung Bandar) Mereka sangat komited dalam memenuhi keperluan penjagaan Istana Bandar untuk menjaga sejarah komuniti setempat.

Kata Kunci: Istana Bandar Jugra, Sejarah Selangor, Pembangunan, Pemeliharaan, Cabaran.

DOI: 10.5281/zenodo.10910107



Copyright: © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Istana Bandar dimulakan pembinaannya pada penghujung abad ke-19 dan siap pada tahun 1905. Istana Bandar terletak di dalam Daerah Kuala Langat, Mukim Bandar, dan dikelilingi tanah seluas 12.96 ekar. Jaraknya lebih kurang 20 km dari Bandar Banting dan berdekatan dengan Masjid Sultan Alaeddin. Istana ini menjadi tempat kediaman Sultan Sir Alaeddin Sulaiman Shah bersama isterinya, Hajjah Safiah, sehingga beliau meninggal pada tahun 1889. Pada tahun 1926, Istana Bandar menjadi tempat pertabalan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ibni Almarhum Sultan Hishamudin Alam Shah sebagai Sultan Ketujuh Negeri Selangor Darul Ehsan. Istana ini mempunyai kira-kira 15 bilik dan direka dengan unsur seni bina Islam dari India dan Timur Tengah (Portal Rasmi PDT, 2016).

Pembinaan istana melibatkan tukang-tukang Cina yang ditampilkan dalam sentuhan seni ukiran Cina. Reka bentuk bangunan istana ini menonjol dengan lanskap dan kolam-kolam di bahagian hadapannya. Selepas merdeka, istana ini ditinggalkan akibat pemindahan pusat pemerintahan ke

Kuala Lumpur. Kemudian, diperuntukkan sebagai Pusat Kraftangan Daerah, tetapi akhirnya ditinggalkan semula kerana kurang sambutan. Pada tahun 1988, istana ini menjalani kerja baik pulih selepas mengalami kerosakan yang teruk. Ianya juga pernah digunakan sebagai Pusat Tahfiz Al-Quran oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JWN, 2024).

Kediaman Diraja mengalami penambahan dan pengubahsuaian secara berperingkat. Pada tahun 1898, struktur awal Istana Sultan Alaedin, iaitu Balai Mengadap DiRaja dibina. Pembinaan bangunan seterusnya dilakukan secara berperingkat sepanjang pemerintahan Sultan Alauddin. Pada permulaannya, tiada terdapat beranda atau anjung. Walau bagaimanapun, pada tahun 1914, dua bilik tambahan telah ditambah pada bahagian selatan. Selepas itu, beberapa bangunan lain turut ditambah ke dalam istana, termasuk rumah kelab, pejabat, dan ruang simpanan untuk persenjataan. Namun, hanya istana yang masih tegak berdiri, sementara bangunan lainnya ada yang dirobohkan atau mengalami kerosakan akibat usia dan pereputan.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalah kajian ini berkaitan aspek **pemuliharaan, pemeliharaan, penjagaan, dan sejarah pembangunan Istana Bandar Jugra yang semakin meredup seiring waktu** (Ismail, 2009). Melalui temubual dengan pegawai yang menjaga bangunan ini, didapati bahawa usaha pemeliharaan Istana Bandar Jugra semakin merosot dan kekurangan sokongan pihak berkuasa. Ini mengancam kelangsungan warisan berharga ini tanpa tindakan pemulihan yang sewajarnya. Kekurangan dana, bahan asal, dan tenaga mahir merupakan antara halangan utama dalam memastikan pemeliharaan berkualiti tinggi bagi bangunan bersejarah ini. Jika tiada langkah proaktif diambil, adalah dikhawatiri warisan negara ini akan musnah ditelan zaman tanpa dapat dinikmati generasi akan datang.

Pertama-tama, cabaran mendapatkan bahan binaan asal yang sesuai untuk pemberaan dan penyelenggaraan menjadi titik fokus utama. Seiring kemajuan zaman, keberadaan bahan binaan tradisional menjadi semakin sukar diperoleh, memerlukan usaha dan kreativiti tambahan untuk menjaga keaslian struktur. Selain itu, mengekalkan reka bentuk dan seni bina asal semasa menjalankan kerja-kerja naik taraf merupakan cabaran tersendiri. Pengubahsuaian yang tidak berhati-hati boleh merosakkan keindahan arsitektur warisan dan mencetus kontroversi dalam komuniti. Kekangan kewangan adalah isu serius dalam melaksanakan kerja-kerja pemulihan. Pemeliharaan bangunan bersejarah memerlukan pelaburan yang besar, dan kurangnya sumber kewangan dapat menghalang usaha pemulihan yang berkualiti tinggi.

Ketidakupayaan untuk mendapatkan tenaga mahir dalam bidang pemulihan warisan menjadi cabaran yang perlu diperhatikan. Keperluan untuk menjaga keaslian dan teknik pembinaan tradisional menuntut kehadiran pakar yang terlatih. Memastikan keaslian dan nilai estetika elemen warisan seperti ukiran kayu dan corak cat adalah cabaran lain. Pemulihan yang tidak teliti dapat merosakkan elemen-elemen ini, mengurangkan keindahan dan nilai seni bangunan tersebut. Ancaman kerosakan akibat faktor alam sekitar, seperti cuaca dan serangga perosak, menambah lagi kesulitan dalam pemeliharaan. Perlunya strategi yang efektif untuk melindungi bangunan dari elemen-elemen ini menjadi isu utama.

Kurangnya garis panduan komprehensif bagi pemeliharaan bangunan warisan tempatan mencipta cabaran tambahan. Panduan yang jelas dan sesuai dengan iklim serta bahan tempatan menjadi aspek penting dalam memastikan pemeliharaan yang berkesan. Ketiadaan rekod lengkap mengenai sejarah dan senibina asal bangunan adalah isu yang perlu ditangani. Rekod yang tidak lengkap dapat menyulitkan proses pemulihan dan merugikan pemahaman terhadap nilai sejarah bangunan.

Cabar terakhir adalah mencapai keseimbangan antara pemodenan dengan pemeliharaan integriti warisan bangunan lama. Pengenalan teknologi baru dan perubahan gaya hidup masyarakat perlu diintegrasikan dengan berhati-hati untuk memastikan kelestarian nilai warisan. Kurangnya kesedaran masyarakat tentang kepentingan memelihara warisan tempatan menjadi isu penting. Pendidikan dan penyuluhan perlu ditingkatkan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat akan nilai dan keunikan bangunan bersejarah.

Secara keseluruhan, pemeliharaan bangunan istana lama yang berusia 126 tahun melibatkan sejumlah cabaran yang kompleks. Pemahaman mendalam terhadap permasalahan ini diperlukan untuk mencipta pendekatan yang holistik dalam memastikan kelestarian warisan berharga ini untuk generasi akan datang.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Untuk mengenalpasti keadaan bangunan Istana Bandar, Jugra, Kuala Langat sebelum dibaik-pulih.
- b) Untuk mengenalpasti strategi penjagaan maklumat berharga berkenaan bangunan Istana Bandar, Jugra, Kuala Langat.
- c) Untuk mengenalpasti maklumat lengkap pemulihan bangunan Istana Bandar, Jugra, Kuala Langat.

4. PERSOALAN KAJIAN

Antara persoalan kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Bagaimanakah keadaan bangunan Istana Bandar, Jugra, Kuala Langat sebelum dibaik-pulih?
- b) Apakah strategi penjagaan maklumat berharga bangunan Istana Bandar, Jugra, Kuala Langat?
- c) Apakah maklumat lengkap pemulihan bangunan Istana Bandar, Jugra, Kuala Langat?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Negara Malaysia terkenal dengan sejarah yang kaya dan beragam, dihiasi dengan pelbagai bangunan bersejarah yang menjadi saksi kepada warisan budaya negara. Di antara harta ini adalah Istana Bandar Jugra yang terletak di Kampung Sungai Ingat, 42700 Banting, Selangor. Keperluan untuk memelihara permata bersejarah ini melampaui sekadar pemeliharaan seni bina; ia merangkumi aspek yang lebih luas seperti identiti budaya, pendidikan, dan kebanggaan kebangsaan.

Istana Bandar Jugra, mencerminkan kemegahan sejarah Diraja Malaysia. Dibina semasa pemerintahan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah pada tahun 1898, istana ini telah menyaksikan evolusi negara, berfungsi sebagai saksi bisu terhadap momen-momen penting dalam perjalanan Malaysia. Dengan memelihara Istana Bandar Jugra, kita dapat memastikan bahawa generasi masa depan dapat berhubung dengan akar budaya mereka dan memahami dengan mendalam corak budaya yang membentuk identiti kebangsaan kita.

Bangunan bersejarah seperti Istana Bandar Jugra adalah simpanan maklumat yang tak ternilai. Setiap bata dan tiang memberikan kisah tentang masa lalu, menawarkan wawasan tentang teknik seni

bina, amalan budaya, dan norma masyarakat pada zaman dahulu. Sebagai sumber dokumentasi sejarah, istana ini menjadi kelas hidup, membolehkan sarjana, penyelidik, dan pelajar menyelami lembaran sejarah Malaysia. Usaha pemeliharaan ini menyumbang kepada pengkayaan sumber pendidikan, memupuk penghargaan yang lebih mendalam terhadap naratif sejarah yang telah membentuk negara.

Selain itu, Istana Bandar Jugra berperanan sebagai simbol kebanggaan bagi rakyat Malaysia. Kepentingan seni bina dan kaitannya dengan sejarah menjadikannya titik warisan negara yang layak dilindungi dan dirawat. Menjaga *landmark* ini bukan sekadar kewajipan kepada masa lampau, tetapi komitmen kepada generasi kini dan akan datang, memastikan mereka mewarisi hubungan yang nyata dengan akar budaya mereka.

Usaha pemeliharaan Istana Bandar Jugra juga membawa faedah ekonomi. Tapak sejarah sering menjadi tarikan pelancong, menarik pengunjung dari seluruh dunia. Gelombang pelancongan ini dapat merangsang ekonomi tempatan, mencipta peluang pekerjaan, dan menyokong perniagaan di kawasan sekitarnya. Dengan menjaga Istana Bandar Jugra, kita melabur bukan hanya dalam warisan budaya, tetapi juga dalam kemakmuran ekonomi rantau tersebut.

Pemeliharaan Istana Bandar Jugra bukan sekadar tentang menjaga bata dan tiang; ia berkisar tentang memelihara jiwa Malaysia. Bangunan bersejarah ini adalah bukti hidup ketahanan dan kekayaan warisan budaya kita. Dengan menjaga bangunan Istana Bandar Jugra, kita memastikan rentak masa lalu berkekalan, menerangi, dan memberi inspirasi kepada generasi akan datang. Ini adalah tanggungjawab bersama untuk melindungi dan menghargai harta budaya ini, kerana melakukannya, kita menjaga hakikat identiti Malaysia.

6. TINJAUAN LITERATUR

Mengenalpasti keadaan bangunan Istana Bandar, Jugra, Kuala Langat sebelum dibaik-pulih.

Beberapa kajian lepas telah membincangkan sedikit sebanyak tentang keadaan asal bangunan Istana Bandar Jugra sebelum kerja-kerja pembinaan dan pemulihan dilakukan. Antaranya termasuklah kajian oleh Sulaiman (2010) yang meninjau seni bina istana-istana tradisional. Dalam kajian tersebut, Sulaiman (2010) ada menyentuh secara umum tentang keadaan asal struktur bangunan Istana Jugra yang didominasi kayu berserta reka bentuk bumbung yang khas.

Selain itu, Kamal (2015) dalam artikel beliau di Majalah Dewan Budaya bertajuk "Warisan Jugra" turut membincangkan sedikit gambaran awal Istana Jugra sebelum menjalani kerja-kerja pemulihan untuk dijadikan Muzium Warisan Negeri. Kamal (2015) menekankan bahawa pemilihan bahan binaan dan reka bentuk senibina asal perlu dikekalkan bagi menjamin keutuhan warisan bangunan bersejarah tersebut.

Manakala dalam kajian yang dijalankan ada menyentuh serba sedikit keadaan luaran dan dalaman Istana Jugra sebelum pemulihan bagi menjustifikasi kepentingan pemuliharaan bangunan lama di Malaysia amnya. Ketiga-tiga kajian ini secara tidak langsung memberikan gambaran awal tentang keadaan asal Istana Jugra sebelum proses pembinaan untuk tujuan pemeliharaan warisan dilakukan (Badrul, 2013).

Mengenalpasti strategi penjagaan maklumat berharga berkenaan bangunan Istana Bandar, Jugra, Kuala Langat.

Beberapa strategi telah dicadangkan dalam kajian lepas bagi tujuan penjagaan maklumat berharga berkaitan tapak warisan seperti Istana Bandar Jugra. Antaranya, dalam kajianya

menyarankan proses dokumentasi yang kerap dan teliti sebagai langkah penting untuk menjaga maklumat tentang tapak warisan. Beliau berpendapat dokumentasi secara berterusan dapat memastikan sebarang perubahan pada tapak warisan direkodkan dengan lengkap (Nurul Ain, 2017). Selain itu, penubuhan pusat arkib dan sumber yang khusus tentang sesuatu tapak warisan juga amat membantu dalam usaha penjagaan maklumat. Pusat sumber tersebut boleh menjadi tempat menyimpan pelbagai dokumen, gambar, audio visual berkaitan tapak warisan. Sokongan kewangan dan penyertaan aktif masyarakat boleh menyediakan dasar yang kukuh untuk pemeliharaan jangka panjang (Siti Mariam, 2009).

Seiring waktu, berbagai pedoman dan literatur mengenai pemeliharaan bangunan bersejarah telah diterbitkan oleh organisasi seperti ICOMOS (*International Council on Monuments and Sites*) dan UNESCO (*United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization*). Sumber daya ini dapat dijadikan acuan dan panduan untuk strategi pemeliharaan bangunan istana. Salah satu contoh adalah "*The Venice Charter*" yang diterbitkan oleh ICOMOS pada tahun 1964 yang merupakan sebagai piagam antarabangsa bagi pemeliharaan dan pemuliharaan monumen serta tapak bersejarah.

Akhir sekali, cadangkan penggunaan teknologi mutakhir seperti multimedia dalam proses penjagaan maklumat warisan agar ianya lebih interaktif dan menarik minat orang ramai (Jalil et. al, 2014). Ketiga-tiga cadangan ini boleh dijadikan strategi berkesan dalam penjagaan maklumat nilai tinggi berkaitan Istana Bandar Jugra. Pakar yang terlibat dalam projek pemuliharaan bangunan bersejarah seharusnya mempunyai pengalaman serta mempunyai pengetahuan untuk menguruskan projek yang melibatkan bangunan bersejarah untuk mengekalkan keunikan bangunan tersebut (Abdul Rahman, 2012).

Mengenalpasti maklumat lengkap bangunan Istana Bandar, Jugra, Kuala Langat.

Beberapa sumber rujukan telah dikenal pasti yang berguna untuk mendapatkan maklumat lengkap berkenaan Istana Bandar Jugra dari pelbagai aspek. Antaranya termasuklah buku bertajuk "Istana dan Adat DiRaja" oleh Ahmad (2009) yang merupakan rujukan yang baik untuk mendapatkan maklumat menyeluruh berkaitan sejarah dan latar belakang Istana Jugra sejak pembinaannya. Selain itu, laporan pemuliharaan oleh Idris (2012) pula mengandungi butiran teknikal yang berguna seperti senibina asal, bahan binaan, dan reka bentuk Istana Jugra yang penting dalam pemahaman warisan ini. Idris (2012) memberi fokus khusus terhadap ciri-ciri seni bina yang perlu dipelihara dalam kerja-kerja pemulihan bangunan istana ini. Akhir sekali, membincangkan dari sudut seni dan estetika warisan dengan menganalisis bentuk dan reka letak bangunan serta nilai artistik yang terdapat pada Istana Jugra (Lim, 2010). Gabungan ketiga-tiga sumber rujukan ini dapat memberi maklumat yang komprehensif untuk memahami Istana Jugra dari aspek sejarah, fizikal, dan seni.

Dapatan yang Diperoleh

Dapatan kajian berkaitan keadaan asal Istana Bandar Jugra sebelum kerja pemuliharaan diperolehi melalui beberapa sumber. Kajian lapangan dan pemerhatian langsung terhadap tapak warisan membolehkan pengkaji melihat sendiri keadaan semasa bangunan. Analisis terhadap dokumen arkib di OFA (*Online Finding Aid*) seperti gambar lama dan pelan asal memberi maklumat tentang reka bentuk dan struktur asal istana. Selain itu, temubual dengan penduduk tempatan Tuan Ahmad Anuar, yang pernah menyaksikan keadaan istana sebelum pemuliharaan membantu mendapatkan gambaran awal bangunan. Rujukan artikel jurnal dan buku juga menyokong dapatan kajian ini.

Dapatan kajian tentang strategi penjagaan maklumat berharga Istana Bandar Jugra diperolehi menerusi temubual mendalam dengan penolong kurator yang terlibat secara langsung dalam proses tersebut iaitu Puan Nor Hazita. Pemerhatian turut dijalankan terhadap amalan semasa penjagaan maklumat warisan di tapak Istana Jugra. Ini membolehkan pengkaji melihat sendiri bagaimana maklumat dikumpul, disimpan dan diselenggara.

Pelbagai sumber digunakan untuk mendapatkan maklumat lengkap tentang Istana Bandar Jugra dari aspek sejarah dan fizikal. Antaranya termasuk kajian teks untuk mengetahui latar belakang sejarah istana, semakan dokumen arkib OFA (*Online Finding Aid*) seperti gambar lama, temubual dengan informan seperti Penolong Kurator dan penduduk tempatan, serta lawatan ke tapak warisan untuk pemerhatian langsung. Gabungan kaedah ini membolehkan pengumpulan data yang komprehensif.

7. METODOLOGI

Sejarah lisan atau '*Oral History*' adalah merupakan salah satu kaedah yang merakam seseorang individu yang memberi impak kepada negara atau masyarakat seperti tokoh, atlet, selebriti, pengasas perniagaan dan sebagainya melalui temubual wawancara. Oleh itu, pemilihan seseorang tokoh memainkan peranan yang penting dalam sejarah lisan kerana tokoh-tokoh yang dipilih biasanya terdiri daripada mereka yang dapat berkongsi serta menyumbangkan serba sedikit maklumat yang bersejarah dari penglibatan dan pengalaman diri mereka sendiri, atau oleh kerana perhubungan mereka secara langsung dengan watak, masa atau peristiwa tertentu. Bukan itu sahaja, sejarah lisan juga boleh menjadi inspirasi kepada semua berkaitan dengan tokoh tersebut berkaitan dengan kisah jatuhan dan bangun mereka sehingga menjadi manusia yang berjaya dan disegani masyarakat.

INFORMAN KAJIAN

Secara dasarnya, pemilihan tokoh untuk diwawancarakan untuk tugas sejarah lisan ini adalah langkah serta memainkan peranan penting dalam membantu memberikan informasi dan maklumat yang bermanfaat bagi memenuhi kriteria-kriteria yang diperlukan berkaitan dengan tajuk dan objektif kajian yang ingin dikaji. Oleh itu, penyelidik sebulat suara bersetuju untuk memilih Puan Nor Hazita Mohd Sumali sebagai tokoh utama kerana memiliki keterlibatan langsung dalam penjagaan bangunan Istana Bandar. Beliau merupakan seorang Penolong Kurator di Istana Bandar dan juga sebagai Ketua Muzium Daerah Wilayah Selatan yang dilantik oleh Jabatan Warisan Negeri (JWN) Selangor dan juga di bawah Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor (PADAT). Beliau juga memiliki pengalaman yang relevan dalam konteks penjagaan dan pemeliharaan bangunan. Disebabkan itu, beliau dapat memberikan kesaksian ataupun cerita dengan jelas dan terbuka berkaitan soalan-soalan yang diajukan. Beliau dapat berkomunikasi dengan para penyelidik dengan baik dan memiliki kemampuan untuk merefleksikan pengalaman beliau. Pengalaman beliau dalam bidang tersebut dapat membuktikan bahawa beliau merupakan seorang yang komited dan bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas.

Dalam pemilihan untuk tokoh kedua, penyelidik mendapatkan maklumat daripada tokoh utama untuk memastikan bahawa tokoh kedua mengetahui lebih mendalam berkaitan bangunan Istana Bandar ini serta dapat berkongsi pengalaman dalam menjaga dan perkembangan bangunan tersebut. Penyelidik bersetuju dengan tokoh kedua yang disarankan oleh Puan Nor Hazita iaitu Tuan Ahmad Anuar Ishak, yang merupakan bekas Nazir Masjid di Kampung Bandar ataupun dikenali sebagai Masjid Alaedin. Beliau sekarang memegang jawatan sebagai Penolong Ketua Kampung di Kampung Bandar dan juga seorang penduduk lama di kampung tersebut. Beliau telah melihat perkembangan Istana Bandar ini berkembang dan bersetuju untuk bekerjasama dengan penyelidik

untuk menceritakan pengalaman yang berkaitan dengan Istana Bandar. Beliau memiliki pengalaman dalam konteks penjagaan dan pemeliharaan bangunan.

PROSEDUR MENGUMPUL DATA.

Kaedah kualitatif digunakan iaitu sejarah lisan. Pengumpulan data yang diperoleh sepanjang kajian adalah hasil primer yang melalui proses temubual secara bersemuka. Hal ini memudahkan penyelidik dalam sesi temubual kerana cara penyampaian soalan dan jawapan menjadi lebih jelas antara tokoh dan penemubual.

Sebelum sesi temubual dijalankan, penyelidik disarankan membuat persediaan awal dengan mencari maklumat mengenai tokoh dan tajuk utama yang dipilih di laman sesawang, artikel dan keratan akhbar sebelum temubual dijalankan. Dokumen-dokumen tersebut juga dapat membantu memberikan informasi tambahan dan konteks yang berguna dalam membina soalan untuk ditanyakan semasa sesi temubual. Penyelidik telah berkunjung ke Istana Bandar dan menemubual tokoh pertama di dalam pejabat beliau, manakala tokoh kedua di jalankan di kawasan Istana Bandar pada hari yang berbeza. Semasa temubual tersebut berlangsung, penyelidik telah menyediakan dan mengajukan sebanyak 130 soalan.

Soalan yang ingin dikaji mengikut objektif kajian yang telah ditetapkan. Mereka perlu menjawab segala soalan yang diajukan. Tempoh masa sesi temubual selama 180 minit bersamaan dengan 3 jam. Di samping itu, rakaman audio dan video juga dilakukan bagi memudahkan proses mendokumentasikan transkrip. Kajian ini telah memenuhi keperluan masa yang ditetapkan dalam sesi temubual yang dijalankan. Seterusnya, penyelidik akan mendengar semula rakaman temubual dan menghasilkan transkrip mengikut format yang diberikan.

8. HASIL KAJIAN

Menurut pandangan kedua-dua tokoh, terdapat banyak kerosakan berlaku terutamanya dibahagian dapur Istana Bandar sebelum dibaik pulih. Ia perlu dibina semula dalam keadaan asal atau hampir sama maksudnya tiada penambahan atau pengurangan yang berlaku. Bangunan ini juga ditinggalkan sepi dan terbiar sebelum diambil alih oleh Jabatan Warisan Negara dan diserahkan kepada Lembaga Muzium Selangor dan sekarang dikenali sebagai Perbadanan Adat Melayu & Warisan Negeri Selangor (PADAT).

Antara strategi untuk penjagaan bangunan Istana Bandar ialah dengan melakukan pemeriksaan secara berkala dan proses pemeliharaan juga akan diadakan secara berperingkat. Hal ini kerana kerja-kerja konservasi ini mengambil masa yang agak lama untuk siap. Jika terdapat sebarang kerosakan, kurator perlu mengemukakan borang aduan kerosakan kepada unit penyelenggaraan PADAT. Selain itu, penjagaan dari segi keselamatan juga dikendalikan oleh empat orang pengawal keselamatan manakala dari segi kebersihan terdapat tukang kebun dan tukang cuci.

Menurut temubual yang dijalankan bersama Puan Hazita (2023), proses pemeliharaan juga tergendala disebabkan masalah peruntukan kerana kos yang diperlukan untuk membaik pulih bangunan memakan kos yang sangat besar sehingga mencecah ratusan ribu ringgit hingga jutaan ringgit. Pihak PADAT hanya menerima peruntukan daripada kerajaan negeri dan juga dari Kementerian Pelancongan sahaja. Oleh itu, sebarang kerosakan yang berlaku di Istana Bandar akan mengambil masa yang lama untuk dibaik pulih dan perlu dilakukan secara berperingkat.

Proses pemeliharaan sangat penting dilakukan demi mengekalkan bentuk dan kelestarian

Istana Bandar terutamanya bangunan-bangunan yang telah mencapai usia lebih daripada 100 tahun. Istana Bandar ini dibina daripada kayu yang saban tahun akan dimamah usia yang disebabkan oleh faktor cuaca dan serangga perosak. Oleh itu, teknik pemeliharaan konservasi perlu dijalankan untuk mengekalkan bangunan itu dalam keadaan asal. Jabatan Warisan Negara akan membuat pemeriksaan secara berkala iaitu sebanyak dua tahun sekali di semua tapak-tapak bersejarah di Malaysia.

Antara rawatan dan ujian yang dilakukan untuk memastikan bangunan Istana Bandar ini terjaga ialah menjalankan ujian kerosakan terlebih dahulu. Apabila terdapat dinding yang mengalami kelembapan, ia adalah berpunca daripada kebocoran. Oleh itu, pihak konservator akan menjalankan rawatan *cocoon*, iaitu kerja-kerja penggaraman atau dikenali sebagai rawatan mengawal kelembapan. Pihak konservator akan mengikis dinding dan akan menampal bahan kimia untuk pengeringan dan selepas itu, dinding yang dikikis tadi akan ditampal semula dengan bahan yang hampir sama dengan bahan asal.



Gambar 1: Bangunan Istana Bandar dari bahagian hadapan

9. KESIMPULAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjelaskan dengan lebih mendalam tentang sejarah dan pemeliharaan Istana Bandar Jugra, mengenalpasti keadaan bangunan sebelum dibaik-pulih, mengkaji strategi penjagaan bangunan Istana Bandar dan mengenalpasti cabaran semasa awal pemulihan bangunan Istana Bandar. Penyelidik telah mengenal pasti dua orang tokoh yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dengan Istana Bandar iaitu Puan Nor Hazita Mohd Sumali dan Tuan Ahmad Anwar Ishak yang mempunyai pengetahuan dan maklumat yang sangat mendalam mengenai sejarah dan pemeliharaan Istana Bandar Jugra.

Kajian sejarah ini memiliki banyak kepentingan dan sumbangsan yang penting dalam melestarikan sejarah, warisan, budaya dan nilai-nilai estetika yang berkait rapat dengan Istana Bandar di dalam kalangan masyarakat. Hal ini secara langsung dapat memastikan tiada cerita-cerita yang tidak sahih mengenai sejarah Istana Bandar. Selain itu, sejarah Istana Bandar juga tidak akan hilang ditelan zaman kerana terdapat penyelidik yang telah mendokumentasikannya dan dapat menjadi rujukan kepada pengkaji akan datang serta generasi baru.

Penghargaan: Kami memanjatkan rasa syukur ke hadrat Ilahi dengan izin dan limpah kurnia-Nya kami dipermudahkan urusan untuk menyiapkan projek ini dengan jayanya iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Kami juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada **Puan Nor Hazita Mohd Sumali** di atas kesudian beliau meluangkan masa bersama kami untuk ditemuramah dan berkongsi sedikit sebanyak informasi dan maklumat berkaitan dengan Istana Bandar. Semoga dokumentasi ini dapat dimanfaatkan sebagai bahan rujukan buat para pelajar, pensyarah serta penyelidik akan datang yang berminat untuk mendalami dengan lebih lanjut mengenai Istana Bandar ini.

Di kesempatan ini juga kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pensyarah kami iaitu Encik Jafalizan Md Jali yang sentiasa memberi dorongan, nasihat serta tunjuk ajar untuk membimbing kami sepanjang menyiapkan transkrip ini. Tanpa tunjuk ajar, komen yang membina, serta sokongan daripada beliau, maka tidak sempurnalah hasil kerja kami. Terima kasih juga kepada Dr Saiful Farik Mat Yatim diatas pengorbanan masa yang diberikan beliau dalam membantu dan memantau hasil kerja kami.

Tidak dilupakan juga kepada keluarga serta rakan-rakan seperjuangan yang telah membantu kami secara langsung atau tidak langsung. Tanpa sokongan dan galakan serta doa daripada mereka, tidak mungkin kami berada di sini.

RUJUKAN

- Abdul Rahman, A. (2012). Cabaran dalam projek pemuliharaan bangunan bersejarah di Malaysia. *Jurnal Warisan Seni Bina*, 5(2), 21-29.
- Ahmad, J. (2009). Istana dan Adat DiRaja: Kisah Istana Jugra. Kuala Lumpur: Malaysian Historical Press.
- Badrul, A.R. (2013). Kepentingan pemeliharaan bangunan bersejarah di Malaysia. *Jurnal Warisan Malaysia*, 1(2), 12-18.
- Idris, A.G. (2012). Laporan Pemuliharaan Bangunan Bersejarah Istana Bandar Jugra. Jabatan Warisan Negara.
- International Council on Monuments and Sites (ICOMOS). (1964). The Venice charter 1964: International charter for the conservation and restoration of monuments and sites.
- Ismail, A.R. (2009). Pemeliharaan bangunan bersejarah di Malaysia. *Jurnal Warisan Malaysia*, 1(1), 3-5.
- Jabatan Warisan Negara, (2024) Laman, P. (n.d.-b). Istana Bandar, Jugra, Kuala Langat.
- Jalil, S.A., Ali, A.M., & Harun, R. (2014). Penggunaan teknologi multimedia dalam pemeliharaan maklumat warisan di Malaysia. *Jurnal Teknologi Maklumat*, 21(1), 57-6
- Kamal, S. (2015). Warisan Jugra. *Dewan Budaya*, 23(4), 12-15.
- Lim, C.K. (2010). Keindahan Senibina dan Nilai Estetika Istana Jugra. *Jurnal Seni Bina*, 3(2), 10-18.
- Nurul Ain, M.Y. (2017). Dokumentasi sebagai Strategi Penjagaan Maklumat Warisan. *Jurnal Warisan Malaysia*, 2(1), 21-29.
- Puan Nor Hazita, (2023). Sejarah dan Pemeliharaan Istana Bandar Jugra. Transkrip Temubual (pp.67-68,78)
- Portal Rasmi PDT Kuala Langat, (2016). Tempat-tempat bersejarah. (n.d.).
- Siti Mariam, S. (2009). Penubuhan Pusat Sumber Warisan. Dalam Z.M. Zain (Ed.), Memartabatkan Warisan Negeri (pp.121-128). Serdang: Penerbit UPM.
- Sulaiman, A.R. (2010). Senibina Istana-istana di Negeri Sembilan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.